PANTUN BUDI

ARAHAN : SALIN KESELURUHAN NOTA DAN LENGKAPKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG TEPAT.

1. Maksud Pantun

Rangkap 1
Budi yang baik akan sentiasa dikenang dan menjadi sebutan orang.

Rangkap 2
Orang yang baik mempunyai budi bahasa yang tinggi.

Rangkap 3
Orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.

Rangkap 4
Sudah menjadi lumrah dalam hidup, kekayaan lebih diutamakan daripada budi bahasa.

Rangkap 5
Biarlah kita hidup miskin asalkan kita sentiasa berbudi bahasa.

Rangkap 6
Orang yang berbudi akan dipandang mulia, martabat bangsa dinilai dari segi bahasa dan tutur kata.

Rangkap 7
Orang yang bijak akan kelihatan lebih hebat jika bersama-sama dengan orang yang sama tarafnya.

2. Tema

Masyarakat yang berbudi bahasa akan dipandang tinggi kerana bahasa menunjukkan identiti sesuatu bangsa.

3. Persoalan

(a) Orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.
(b) Sikap mementingkan kekayaan menyebabkan seseorang lupa akan budi bahasa.
(c) Masyarakat Melayu amat mementingkan budi bahasa dan tutur kata.
(d) Ketinggian darjat sesuatu bangsa dinilai pada bahasa yang dituturkannya.

4. Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

(a) Terdiri daripada _____ rangkap.
(b) Berisi _____ baris setiap rangkap.
(c) Ada _____ dan maksudnya.
(d) Bentuknya _____.

LIVEWORKSHEETS